



SIARAN MEDIA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK.

PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT SUNAT AIDILFITRI.

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, yang berpandukan pandangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dengan ini dimaklumkan:

1. Mulai hari Jumaat **22 Ramadan 1441H**, bersamaan **15 Mei 2020**, Solat Jumaat dibenarkan untuk diadakan di masjid dan surau diri Jumaat di negeri Perak.
2. Solat Sunat Aidilfitri turut dibolehkan diadakan di masjid dan surau pada pagi Hari Raya Aidilfitri .
3. Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidilfitri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Bilangan jemaah tidak melebihi **12 orang** (termasuk imam dan khatib);
 - (ii) Pengerusi Jawatankuasa Kariah hendaklah mengenal pasti, dan menetapkan bahawa jemaah yang dibenarkan hadir terbatas kepada kalangan Ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai masjid/surau;
 - (iii) Tidak digalakkan warga yang berusia lebih daripada **60 tahun** untuk hadir berjemaah;
 - (iv) Setiap jemaah hendaklah membuat pemeriksaan suhu badan, sanitasi tangan dan merekodkan kehadiran di dalam buku kehadiran;
 - (v) Setiap jemaah hendaklah mengambil wuduk sebelum hadir ke masjid dan membawa sejadah masing-masing;
 - (vi) Mereka yang mempunyai gejala seperti demam, sesak nafas, sakit tekak dan selesema tidak dibenarkan hadir. Begitu juga mereka yang mempunyai

sejarah kesihatan seperti kencing manis, darah tinggi, lelah, penyakit barah, dan sebagainya, juga tidak dibenarkan hadir;

- (vii) Jawatankuasa Kariah Masjid dan surau diri Jumaat dibenarkan untuk menggunakan pembesar suara luar semasa bacaan teks khutbah dan takbir untuk manfaat ahli-ahli kariah di sekitar masjid dan surau;
 - (viii) Tempoh masa bermula azan, khutbah hingga selesai Solat Jumaat, begitu juga tempoh mula bertakbir hingga selesai khutbah Solat Aidilfitri di dalam masjid dan surau dihadkan tidak melebihi **20 minit**;
 - (ix) Penyusunan saf dan kedudukan dalam masjid atau surau diri Jumaat hendaklah mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
 - (x) Para jemaah hendaklah bersurai dan tidak mengadakan sebarang jamuan makan minum di masjid/surau selepas selesai urusan Solat Sunat Aidilfitri.
4. Masjid dan surau diri Jumaat masih tidak dibuka kepada orang awam, sebaliknya kebenaran ini hanya diberikan kepada ahli Jawatankuasa Kariah dan Pegawai masjid dan surau.
 5. Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid dan surau diri Jumaat wajib memastikan semua syarat di atas dipatuhi. Masjid dan surau diri Jumaat yang tidak berupaya atau gagal untuk memenuhi kesemua syarat dan panduan yang ditetapkan, **tidak dibenarkan** untuk melaksanakan Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidilfitri berkenaan.
 6. Teks khutbah Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidilfitri hendaklah ringkas dan padat, dengan masa penyampaian tidak melebihi **10 minit**, disediakan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK).
 7. JAIPK akan mengeluarkan satu garis panduan kaedah pelaksanaan Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidilfitri kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid dan surau diri Jumaat di negeri Perak serta selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.



(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
21 Ramadan 1441 / 14 Mei 2020